



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 27 NOVEMBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daftar Kain Tenun Punca Potong sebagai harta intelek

PASIR MAS: Pertubuhan Seni Silat Jawi Kelantan mendaftarkan Kain Tenun Punca Potong di bawah Petunjuk Geografi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) sekali gus mengiktiraf produk tersebut berasal dari negeri ini.

Pengerusinya, Ahmad Basri Hashim berkata, keputusan dibuat selepas menjalankan kajian lima tahun berkaitan kain tersebut menerusi rujukan akademik warisan tekstil negara, buku dan artikel yang mengesahkan ia berasal dari Kelantan.

"Sejak 1908 orang Kelantan memakai kain tenun punca potong namun ia makin pupus.

"Dalam kajian itu saya mengumpul beberapa helai kain tenun punca potong asli dan ada sudah berusia 200 tahun," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* selepas Karnival Hulubaley Bersenu Tanah Jawi 2023 di Gelanggang Jawi, Kampung Limbat di sini semalam.

Ahmad Basri yang juga pelajar ijazah sarjana Universiti Malaysia Kelantan (UMK)-berkata, kain tenun punca potong ini mempunyai keistimewaan kerana ia menjadi lambang ketinggian kemahiran seni halus penenun tempatan dalam teknik tenun.

Katanya, ia menggabungkan teknik tenun ikat limar pada

badan sehelai kain bercorak petak beragi dan berjalur.

"Kain tenun punca potong Kelantan bersaiz 152cm ke 300 cm dan lebar 42cm ke 106 cm yang tidak dijahit sambung antara hujung kain. Setakat ini sebanyak 300 helai sudah ditenun tetapi bukan untuk dijual.

"Bagaimanapun, kain tersebut hanya diagihkan kepada pesilat-pesilat Pertubuhan Seni Silat Jawi Kelantan. Saya mahu sebarkan warisan ini agar ia dikenali ramai, tahu cara pakainya, kenal kain ini kerana kepala kainnya berada dihujung dan ianya dipakai oleh hulubalang, pembesar," ujarnya.



AHMAD Basri Hashim menunjukkan Kain Tenun Punca Potong Kelan berusia 200 tahun ketika Karnival Hulubaley Bersenu Tanah Jawi di Gelanggang Seni, Kampung Limbat, Pasir Mas semalam. - UTUSAN/ROHANA ISMAIL.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 27 NOVEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
27-Nov	KPDN Kelantan catat rampasan bernilai RM3.44 juta kes barang kawalan	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2248125	BERNAMA
27-Nov	Rampas RM3.44 juta barang kawalan seludup	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/11/1034352/rampas-rm344-juta-barang-kawalan-seludup	HM
27-Nov	Tak sempat seludup 19.5 tan minyak masak ke Siam	https://www.kosmo.com.my/2023/11/26/tak-sempat-seludup-19-5-tan-minyak-masak-ke-siam/	KOSMO
27-Nov	Dua buah lori gagal seleweng 19.5 tan minyak masak ke negara jiran	https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/dua-buah-lori-gagal-seleweng-19-5-tan-minyak-masak-ke-negara-jiran/	UM
27-Nov	Cuba Seludup Minyak Masak Gagal, Empat 'Transporter' Dicekup	https://youtu.be/oHQklb_jdo?si=TomgkCnEcsrLpe-P	BULETINTV9